



Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia berstatus Bumiputera yang berkelayakan dalam bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan tetap di Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah.

#### A. JAWATAN PENTADBIRAN

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
<b>KUMPULAN PELAKSANA</b>					
1.	Pembantu Kemahiran	H19	Pembantu Kemahiran	RM 1,377.00	RM 4,052.00
2.	Pembantu Setiausaha Pejabat	N19	Pentadbiran Dan Sokongan	RM1,352.00	RM4,003.00
3.	Kerani	N19	Pembantu Tadbir (Pekeranian & Operasi)	RM 1,352.00	RM 4,003.00
4.	Pemandu	H11	Pemandu Kenderaan	RM 1,218.00	RM 2,939.00

#### KUMPULAN PELAKSANA

#### PEMBANTU KEMAHIRAN (H19)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
  - (a) Warganegara Malaysia
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred H19 : RM 1,377.00) atau;
  - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred H19 : RM 1,435.12) atau;
  - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM 1,435.12) atau;

*Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan SAHAJA.*

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM 1,493.24) atau ;
- (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM 1,493.24).

#### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang - kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT (N19)

- 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
  - (a) Warganegara Malaysia
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM 1,352.00) atau;
  - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM 1,408.40) atau;
  - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM 1,464.80).

#### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang - kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

#### KERANI (N19)

- 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) Warganegara Malaysia
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

*Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan SAHAJA.*

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

#### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang - kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### PEMANDU (H11)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
- (iii) Berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- Lesen D : RM1,264.15
- Lesen E/E1/E2 : RM1,310.30
- Lesen F/H : RM1,356.45
- Lesen G/I : RM1,402.60

#### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

*Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan SAHAJA.*

### PERHATIAN KEPADA PEMOHON

1. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai bersama **SALINAN** dokumen berikut yang telah **DISAHKAN** :
  - Kad Pengenalan
  - Sijil Kelahiran Calon, Ibu & Bapa
  - Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
  - Diploma (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)
  - Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik
  - Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada / terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja / penetapan gaji
  - Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/ Badan Berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat) dan Laporan Prestasi Tahunan
2. Borang / dokumen yang tidak lengkap, tidak jelas dan kabur tidak akan diproses.
3. Hanya pemohon - pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.
4. Pemohon - pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
5. Pemohon - pemohon yang menuntut di Tahun Akhir Universiti Awam / Swasta adalah tidak dibenarkan membuat sebarang permohonan jawatan kecuali keputusan semester akhir telah diperakukan oleh SENAT.

### PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Perjawatan UiTM** yang boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang **UiTM Cawangan Melaka** di <https://melaka.uitm.edu.my/index.php/en/campuses>

Tarikh tutup permohonan adalah pada **18 Mac 2022 (Jumaat)**.

Sila kemukakan permohonan melalui link seperti berikut :  
<https://forms.gle/3YNnDVVbszjJFEHS8>

Sila kemukakan **BORANG PERMOHONAN ASAL** (melalui pos) kepada :



اَوْبُو سَبِيْحٌ تَنْكُو لُو رِيْنٌ وَاَبَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN**  
**PEJABAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA**  
**KM 26 JALAN LENDU**  
**78000 ALOR GAJAH**  
**MELAKA**

**NO.TEL : 06-5582438 /06-5582321 / 06-5582014**

*Pemohon hanya boleh memohon **SATU (1)** jawatan yang diiklankan **SAHAJA**.*